



Bahasa Inggeris merupakan bahasa kedua terbesar dunia selepas bahasa Mandarin. Berdasarkan statistik 2013, bahasa Inggeris yang tergolong sebagai bahasa Indo-Germanik Eropah mempunyai penutur asli sekitar 400 juta di beberapa buah negara, iaitu Amerika Syarikat, Kanada, UK, New Zealand, dan Afrika Selatan. Penutur kedua bahasa Inggeris lebih ramai daripada penutur asli kerana dianggarkan 400 juta sebagai penutur bahasa kedua manakala selebihnya sebagai bahasa asing. Justeru, terdapat 1.2 bilion jumlah penutur bahasa Inggeris.

Bahasa Mandarin pula dituturkan oleh 850 juta penduduk (2014) manakala sebanyak 500 juta lagi dituturkan sebagai bahasa kedua di China sendiri, Singapura, Taiwan, Malaysia dan Thailand. Kesemuanya berjumlah 1 350 juta yang menjadikan jumlah penutur bahasa yang paling besar di dunia. Namun, bahasa Inggeris dituturkan secara lebih menyeluruh dan menjadi bahasa kebangsaan tunggal di negara Ghana, Liberia, Nigeria, Uganda dan Zimbabwe di Africa, Jamaica, Bahamas, Dominica dan Barbados di Karibia dan Kepulauan Pasifik Solomon. Bahasa Inggeris juga dijadikan bahasa rasmi bagi Negara Tonga, Tanzania, Cameroon, Kenya, South Africa, Singapura, Filipina, Barat Samoa, Kiribati, Pakistan dan India (terdapat sekurang-kurangnya 12 bahasa rasmi).

Bahasa Inggeris:

Bahasa Pinggir ke Antarabangsa

... bahasa tidak akan hidup dan dinamik tanpa pencinta bahasa. Dari sinilah lahirnya ramai pencinta bahasa, aktivis dan pengkaji bahasa yang matlamat akhir mereka adalah untuk menegakkan dan mengembangkan bahasa Inggeris sebagai bahasa kebangsaan.

Sejarah Bahasa Inggeris

Bahasa Inggeris yang berasal daripada cabang bahasa Germanik Barat yang merupakan rumpun Indo-Europah. Bahasa Inggeris bermula sejak 450 sebelum masihi apabila penutur rumpun bahasa Germanik memulakan petempatan di Britain. Bahasa Germanik berasal dari Eropah yang mempunyai beberapa cabang, termasuk rumpun bahasa Jerman, Belanda, Saxon lama, Anglo-Frisian, Inggeris, Scott, Scandinavia, termasuk Swedish dan Norwegian. Bahasa ini bergerak secara evolusi dan mengambil masa yang panjang kerana campuran dan hubungan bahasa Germanik memerlukan masa untuk penyesuaian dan perubahan semasa.

Penutur Inggeris Lama termasuk dalam rumpun Bahasa Germanik yang dikenali sebagai Anglo-Saxon. Penutur ini memerlukan bahasa yang lebih dinamik sesuai dengan hubungan dengan penutur Scandinavia dan bahasa-bahasa lain ketika itu. Golongan Anglo-Saxon inilah membawa bahasa Inggeris Lama yang bercampur dengan bahasa dialek dan bahasa-bahasa rumpun Germanik. Perkataan seperti *gift*, *egg*, *skirt*, *skill* dan *skin* adalah antara perkataan yang berasal daripada rumpun bahasa Scandinavia. Begitu juga kata kerja seperti *take*, *give* dan *get* yang berasal dari Scandinavia (Finegan, 2009). Lama-kelamaan mereka mulai cuba memodenkan bahasa mereka. Pada abad ke-12 dan 15, bahasa lama ini bertukar sebagai bahasa Pertengahan Bahasa Inggeris. Berlakulah perubahan bunyi dan morfologi dalam bahasa Inggeris.

Perubahan ini membawa kepada peminjaman puluhan

Apabila pihak Norman menguasai England pada tahun 1066, maka sistem mahkamah, gereja, sistem perundangan dan ketenteraan diwujudkan untuk tujuan kekuasaan dan kekayaan. Pihak kelas atasan hanya bercakap bahasa Perancis manakala bahasa Inggeris hanyalah dituturkan dalam kalangan penduduk desa dan masyarakat kelas rendah.

ribu bahasa Latin, Greek dan penciptaan perbendaharaan kata. Maka muncullah kamus-kamus yang belum mantap. Hal ini menimbulkan kebimbangan akan kemurnian bahasa. Justeru, timbullah satu set preskriptif mengenai ejaan, sebutan dan tatabahasa yang seragam. Tidak wujud lagi kepelbagaian bentuk dan jenis bahasa Inggeris yang selama ini banyak menimbulkan kekeliruan. Ketika pendudukan Rom, ramai penutur dialek bahasa Germanik berkhidmat dalam tentera Rom. Begitu juga dalam perdagangan.. Perhubungan seumpama ini merapatkan lagi hubungan Celtic dengan rumpun bahasa Germanik dan budaya Rom. Sebagaimana *Sulalat Salatin* hasil karya Tun Seri Lanang yang mengangkat bukan sahaja sejarah, akan tetapi bahasa dan budaya Melayu, penghasilan teks agung merupakan teras kepada pembinaan bahasa, sejarah dan kebudayaan Inggeris. Justeru, versi sejarah *The Anglo-Saxon Chronicle* yang dihasilkan pada tahun 1154 berupaya memberikan sejarah golongan Anglo-Saxon sejak zaman Julius Caesar hingga abad ke-12. Di sinilah sejarah cabang kelompok bahasa Germanik dapat

diperoleh. Khalayak pembaca akan mengetahui sejak bila kelompok Frisian, Angles, Saxon menduduki kepulauan British. Berdasarkan sejarah ini, maka kita akan dapat mengetahui bahawa perkataan English berasal daripada satu kelompok masyarakat yang dikenali sebagai *Angles*. Begitu juga perkataan England juga berasal daripada perkataan *Angles*. Kelompok ini hidup dengan kelompok lain seperti Franks, Goths, Saxon, Vandal dan Lombard walaupun berbeza kebudayaan tetapi terdapat persamaan tertentu dalam penggunaan bahasa mereka (Gelderer, 2006).

Apabila pihak Norman menguasai England pada tahun 1066, maka sistem mahkamah, gereja, sistem perundangan dan ketenteraan diwujudkan untuk tujuan kekuasaan dan kekayaan. Pihak kelas atasan hanya bercakap bahasa Perancis manakala bahasa Inggeris hanyalah dituturkan dalam kalangan penduduk desa dan masyarakat kelas rendah. Terdapat juga usaha penggunaan bahasa Inggeris dan Perancis, namun didapati masih terdapat banyak kekurangan dan banyak aspek bahasa yang tidak dapat difahami dan dikuasai. Apabila

Raja John tewas kepada Raja Philip Perancis pada tahun 1204 dan perhubungan mula antara England, pertembungan politik dan ketenteraan menjadikan bahasa Anglo-Norman mulai unggul (Finegan, 2009).

Meskipun bahasa Inggeris belum begitu mantap lagi dan berada di tengah-tengah dominasi bahasa Latin dan bahasa Perancis, namun pada abad ke-11 dan 13, bahasa Inggeris berjaya diungkapkan dalam bentuk kesusasteraan sebagaimana dihasilkan oleh Geoffrey Chaucer dan karya besar beliau berjudul *The Canterbury Tales* yang memancarkan unsur humor dan pencapaian puilitka sastera.

Bahasa Inggeris yang berputik di England dari utara Eropah pada abad ke-5, berkembang ke British Isles yang kemudian berkembang ke Wales, Cornwall, Cumbria dan selatan Scotland yang merupakan tempat pusat bahasa-bahasa Celtic. Apabila pihak dari utara Perancis yang dikenali sebagai golongan Norman datang menyerang pada tahun 1066, kebanyakan golongan bangsawan England dari utara Scotland, dan bahasa Inggeris turut merebak sama. Pada abad ke-12 pula, golongan ahlawan Anglo-Norman dihantar menyeberangi Lautan Irish dan Ireland dan secara beransur-ansur bahasa Inggeris mulai berkembang (Crystal, 2003). Anglo-Norman merupakan campuran Norman dan Inggeris di England.

Pemodenan bahasa Inggeris berlaku di antara abad ke-15 dan 17. Malah ada fakta yang menyatakan pemodenan bahasa tersebut seawal-awal abad ke 14 hingga abad ke-18. Aspek ini dapat dilihat dalam konteks karya sastera, khususnya dalam aspek struktur bahasa dalam bahasa moden. Terdapat perubahan dan kemajuan bahasa berkaitan dengan perubahan sosial. Hal ini dapat

Didapati bahawa pertuturan bahasa Inggeris yang 'kasar' secara umumnya telah ditolak kerana hal ini dianggap pantulan fikiran rendah, tidak berupaya untuk menyatakan apa-apa yang membangkit, dan sudah tentu tidak ada nilai politik tinggi.

dilihat juga dalam perubahan struktur tatabahasa yang lebih kompleks dan dinamik. Kemajuan bahasa dapat diukur juga melalui penghasilan kamus-kamus yang bermutu tinggi dan penyelarasan sistem tatabahasa. Dalam konteks di England, ia berlaku pada abad ke-18, ditandai dengan penyelarasan dan pengukuhan bahasa kebangsaan. Unsur-unsur ini termasuklah mementingkan agenda gerakan bahasa dan kebudayaan kebangsaan.

Gwyn Williams (1989) yang menyentuh tentang gerakan bahasa mendapati bahawa penghasilan perkamusan dan tatabahasa dianggap sebagai teks *trinity* untuk pengembangan bahasa sebagaimana penghasilan tatabahasa yang menyeluruh oleh Bishop Lowth pada tahun 1762, teori tatabahasa universal pada tahun 1751 oleh James Harris dan penghasilan kamus oleh Samuel Johnson pada tahun 1755. Penghasilan teks yang mantap, dihasilkan dengan kuantiti yang terbaik dan terperinci ini berupaya membudayakan pembentukan

penguasaan bahasa Inggeris yang bermutu dan meningkatkan kadar celik huruf dan minat membaca penduduk negara. Mereka inilah membentuk dan menyumbang ke arah pembangunan bahasa kebangsaan dalam konteks kelas bahasa di sekolah.

Gwyn Williams (1989) juga mendapati situasi bahasa di England yang berasaskan teori bahawa tatabahasa sejagat mencerminkan kualiti minda dan penghormatan terhadap Latin dan Yunani. Aspek inilah yang membantu menyumbang kepada pembentukan 'bahasa tinggi dan halus', teguh dari segi pemikiran, dan menjadi alat intelektual, termasuk membina gerakan politik kebangsaan. Didapati bahawa pertuturan bahasa Inggeris yang 'kasar' secara umumnya telah ditolak kerana hal ini dianggap pantulan fikiran rendah, tidak berupaya untuk menyatakan apa-apa yang membangkit, dan sudah tentu tidak ada nilai politik tinggi. Di England, perbezaan-perbezaan sosial telah menggandakan dan menggiatkan fungsi bahasa sebagai mobiliti sosial. Seterusnya, bahasa mencapai hegemoni kuasa yang sukar ditandingi. Berdasarkan pandangan tersebut, ternyata pembinaan bahasa Inggeris dihasilkan oleh gerakan bahasa yang bersepadu dan penolakan aspek dan gejala bahasa dan fikiran yang rendah. Hal ini wajar diteladani oleh negara yang ingin membina dan membentuk wibawa bahasa kebangsaan mereka.

Era Bahasa Inggeris sebagai alat Imperialisme

Pada abad ke-16, jumlah penutur bahasa ibunda Inggeris hanyalah sekitar 5 hingga 6 juta dan kebanyakan mereka ini tinggal di British Isles. Namun pada abad ke-

17, bahasa Inggeris berkembang di seluruh dunia. Sejak berakhirnya pemerintahan Elizabeth I (1603) dan permulaan pemerintahan Elizabeth II (1952), jumlah penutur ini semakin meningkat berlipat kali ganda, iaitu sekitar 250 juta yang kebanyakannya tinggal di luar England, khususnya menjadi rakyat Amerika dan utara Amerika (Crystal, 2003). Faktor ini bukan berlaku secara semulajadi. Sebaliknya, bertitik tolak daripada peranan dan tindakan pihak kerajaan Inggeris menitikberatkan penggunaan dan pengembangan bahasa tersebut.

Suatu bahasa tidak akan hidup dan dinamik tanpa pencinta bahasa. Dari sinilah lahirnya ramai pencinta bahasa, aktivis dan pengkaji bahasa yang matlamat akhir mereka adalah untuk menegakkan dan mengembangkan bahasa Inggeris sebagai bahasa kebangsaan. Salah seorang pakar bahasa Latin, Inggeris, Greek dan Hebrew bernama Richard Mulcaster, misalnya merupakan penyokong penggunaan bahasa Inggeris pada penghujung abad ke-14. Beliau pernah berkata, 'saya mencintai Rome, tetapi kota London lebih baik', 'saya lebih memilih Itali, tetapi England lebih lagi', 'saya menghormati bahasa Latin, tetapi saya memuja bahasa Inggeris' (Crystal, 2003). Kata-kata sedemikian memancarkan sikap dan pendirian terhadap bahasa ibunda mereka.

Hasilnya pada abad ke-18, Britain menjadi kuasa hegemoni yang ampuh di Kanada dan India, Australia, New Zealand, Hong Kong, Burma, Malta, Cyprus, kepulauan Pasifik dan di benua Afrika. (Suzanne Romaine, 2007). Situasi ini merupakan pergerakan penting dalam sejarah perkembangan dan penyebaran bahasa Inggeris di luar kepulauan Inggeris sendiri. Sudah

pasti, ekoran daripada situasi ini akan memberikan kesan di seluruh dunia. Yang pasti, kesan ini kita dapat lihat pada abad ke-21, iaitu bahasa Inggeris menjadi bahasa global dan paling meluas penggunaannya.

Pengaruh Bahasa Latin

Pada awalnya perkembangan bahasa Inggeris tidaklah semudah sebagaimana dijangka kerana ketika itu bahasa Latin merupakan bahasa antrabangsa, bahasa *lingua franca*, bahasa sastera dan bahasa agama. Bahasa Inggeris banyak dipengaruhi oleh bahasa Latin dan Perancis. Hakikatnya, bahasa Latin merupakan bahasa yang mempunyai penutur asal yang kecil. Kehadiran bahasa Latin sebagai bahasa dunia ketika itu, bukan disebabkan oleh faktor jumlah penutur yang besar. Sebaliknya, kewujudan bahasa Latin adalah disebabkan kewujudan *empayar Rom* yang mempunyai kelebihan memanfaatkan kuasa yang ada pada mereka meskipun penutur bahasa asal mereka sangat kecil. Kuasa tentera yang ada memainkan peranan penting dalam mengembangkan bahasa. Selepas menguasai sesebuah negara, mereka dengan penuh jati diri memperkenalkan, mempromosi dan mengembangkan bahasa Latin ke negara yang pernah dijajah. Semangat mencintai bahasa kebangsaan mereka dikembangkan ke negara-negara lain melalui penjajahan. Selepas, kejatuhan tentera Rom, maka kuasa yang ada pada mereka mulai pudar. Di

Bahasa Latin bukan sahaja berkembang melalui migrasi, tetapi juga melalui gereja Katolik dan aspek intelektual, khususnya dalam bidang kemanusiaan dan zaman kebangkitan (Gelderen, 2006).

sinilah Inggeris sedikit demi sedikit mengambil tempat dan kedudukan bahasa dunia.

Apabila Rom mengeluarkan tentera pada 410 sebelum masehi dari Britain, bahasa Latin masih bertahan. Kekuasaan Rom menyebabkan bahasa Latin dituturkan di kebanyakan tempat di Britain dan benua Eropah. Bahasa Latin juga mempunyai pengaruh terhadap bahasa Germanik dan Celtic. Perkataan seperti *wall, kitchen, wine, mile*, dan *street* sebenarnya perkataan yang dipinjam daripada Latin melalui bahasa Germanik pada era tersebut. Bahasa Latin bukan sahaja berkembang melalui migrasi, tetapi juga melalui gereja Katolik dan aspek intelektual, khususnya dalam bidang kemanusiaan dan zaman kebangkitan (Gelderen, 2006). Antara penggunaan perkataan yang berasal daripada bahasa Latin termasuklah perkataan *abbreviate, acceleration, accommodate, aristocratically, barbarously, circumscription, democracy, education, encyclopedia, historian, inflection, modesty, society, temperature, tolerate, contemporary,*

simultaneous dan *epistemic* (Knowles, 1999). Malah dalam bidang agama terdapat lebih 450 bahasa Latin masih digunakan dalam bahasa Inggeris seperti perkataan *altar, angel, cleric, nun, temple, psalm, master* dan *demon* (Culpeper, 1997) Dari sinilah kita dapat lihat betapa besarnya pengaruh bahasa Latin terhadap perbendaharaan bahasa Inggeris, seterusnya menunjukkan bahawa setiap bahasa yang dinamik tidak akan menjadi kecil apabila menerima pengaruh kemasyarakatan perbendaharaan bahasa asing.

Kemerosotan Bahasa Inggeris

Meskipun bahasa Inggeris mencapai status bahasa antarabangsa, bahasa Inggeris tetap mempunyai masalah yang tersendiri. Terdapat isu penggunaan bahasa Inggeris yang tepat dan standard dalam dunia penutur bahasa Inggeris sebagai bahasa ibunda mereka sebagaimana yang berlaku di Australia, New Zealand, Amerika Syarikat, termasuk di Britain sendiri. Malah di Britain, Putera Charles pernah menyuarakan bahawa para pekerja di istana tidak dapat menulis dan bertutur dalam bahasa Inggeris dengan baik. Terdapat juga majalah berprestij seperti *The Times Higher Education Supplement (THES)* dalam ruangan muka depan mereka mengentengahkan aduan para profesor di Oxford University tentang tahap rendah mutu bahasa Inggeris yang digunakan oleh para pelajar di universiti tersebut. Mereka mencadangkan langkah pembetulan dalam pengajaran, khususnya dalam tatabahasa (Suzanne Romaine, 2004). Hal ini menunjukkan bahawa negara yang dianggap tinggi tahap penguasaan bahasa Inggerisnya tetap

Ternyata bahawa bahasa Inggeris yang berabad-abad usianya mempunyai strategi sendiri untuk memperluaskan pengaruh. Bahasa Inggeris sama seperti bahasa-bahasa dunia lain dari segi permasalahan yang dihadapi. Namun, aspek pendekatan kreatif dan strategi yang dibuat memberikan kesan kepada pertumbuhan bahasa Inggeris.

mempunyai masalah penguasaan bahasa ibunda.

Bagaimanapun, negara berbahasa ibunda Inggeris mengambil pendekatan kreatif dalam pengembangan dan mempromosikan bahasa Inggeris. United Kingdom misalnya mempunyai organisasi seperti British Council yang mengkhusus tentang pendidikan antarabangsa dan kebudayaan Inggeris. Organisasi ini diiktiraf sebagai propaganda kebudayaan yang mempromosikan bahasa dan pendidikan Inggeris di luar negara. Hampir setiap negara di dunia mempunyai pejabat British Council.

Negara seperti Amerika mengadakan program seperti *Academic Decathlon* yang merupakan kombinasi pertandingan debat, pengucapan awam dan ujian kecerdasan yang diperkenalkan di sekolah-sekolah sejak tahun 1968 dan kini menjadi pertandingan di peringkat antarabangsa. Negara seperti China dan Malaysia misalnya turut serta pada tahun 2015. Di Malaysia, pertandingan ini dibuka dalam dua kategori, iaitu peringkat junior dan senior. Pemenang zon Sabah dan Sarawak misalnya, akan bertanding di peringkat akhir di Kuala Lumpur dan johan kumpulan

seterusnya akan mewakili Malaysia bagi bertanding di peringkat antarabangsa di Yale University. Di Malaysia, program ini yang dinaungi oleh Perdana Menteri bertujuan untuk mempromosikan, mengembangkan dan meningkatkan kefasihan dalam penguasaan bahasa Inggeris.

Ternyata bahawa bahasa Inggeris yang berabad-abad usianya mempunyai strategi sendiri untuk memperluaskan pengaruh. Bahasa Inggeris sama seperti bahasa-bahasa dunia lain dari segi permasalahan yang dihadapi. Namun, aspek pendekatan kreatif dan strategi yang dibuat memberikan kesan kepada pertumbuhan bahasa Inggeris. Kelebihan penyebaran bahasa ini dibantu oleh peranan Hollywood dan budaya popular Amerika Syarikat. Kalau dahulu negara Britain merupakan penggerak revolusi industri, menjadi kuasa imperialis, membentuk budaya kelas menengah dan turut memperkenalkan budaya popular. Kini pengaruh ini agak kurang dominan berbanding pengaruh Amerika Syarikat. Bahasa Inggeris dijangka terus mengungguli senarai bahasa yang paling meluas penyebarannya di dunia ini. **DB**